

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 15  
RUANGAN : NASIONAL

**Nasional** 15

## KKM saahkan anggur Shine Muscat tak beracun

**Kuala Lumpur:** Analisis Kementerian Kesihatan (KKM) bagi 234 sampel anggur antara tahun 2020 dan 2024 mendapati anggur Shine Muscat tidak mengandungi residu racun perosak.

KKM dalam kenyataan berkata daripada jumlah 234 sampel anggur yang dianalisis itu, hanya empat peratus iaitu 1.71 peratus dikesan memiliki residu racun perosak melebihi kadar maksimum yang dibenarkan (MRL).

Jumlah yang ada terbit MRL itu tidak termasuk anggur jenis Shine Muscat, katanya.

"Tindakan pemeriksaan Tahan, Uji dan Lepas (TUL) pada kemasan seterusnya dikenakan, di mana konsalin makanan tersebut wajib ditahan dan persampelan perlu dijalankan.

"Dalam hal ini, kelulusan pelepasan di pintu masuk hanya akan diberikan sekiranya keputusan analisis mematuhi MRL yang ditetapkan.

"Larangan pengimportan akan dikenakan sekiranya terdapat pelanggaran yang berulang," katanya.

Bagaimanapun, kementerian mengambil maklum berhubung laporan The Thai Pesticide Alert Network (Thai-PAN) serta be-

rapa media tempatan berkaitan anggur Shine Muscat yang mengandungi MRL.

KKM berkata pihaknya melalui Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) sentiasa memantau dan melakukan penguatkuasaan keselamatan makanan termasuk makanan import berdasarkan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

Katanya, di Malaysia residu racun perosak dikawal di bawah Peraturan 41, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 yang turut merujuk kepada standard antarabangsa Codex.

"Berdasarkan data KKM, sepanjang tempoh 2020 sehingga September 2024, sejumlah 5,561 sampel sayur-sayuran dan buah-buahan import telah dianalisis bagi residu racun perosak dan sejumlah 165 (2.97 peratus) sampel telah didapati tidak mematuhi MRL.

"PKKM telah mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas sayur-sayuran dan buah-buahan import yang tidak mematuhi MRL, termasuk arahan penarikan balik produk di seluruh negara, pelupusan, re-eksport atau pendakwaan kes," menurut KKM.

BERNAMA



*Antara buah anggur Shine Muscat yang dijual ketika tinjauan di sebuah pasaraya di Kuala Terengganu, semalam.*  
(Foto BERNAMA)

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 17  
RUANGAN : NASIONAL

17

Nasional

Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim diiringi Menteri Kesihatan, Dr Dzulkefly Ahmad dan Pengerusi KPJ Healthcare, Tan Sri Dr Howell Bakar berkenan merasmikan MIH Megatrends 2024. (Foto: Anasud Ali/MIH)

Presiden dan Pengarah Urusan KPJ Healthcare, Chin Keat Chyan pada pameran MIH Megatrends 2024 Healthcare: The Next Frontier di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur baru-baru ini. (Foto: BERHAMA)

# Makanan pengaruhi emosi, kesihatan mental individu

## MIH Megatrends 2024 dapat sambutan, serlah potensi Malaysia bentuk penjagaan kesihatan masa depan

Oleh Nuar Atiqah Sulaiman  
nooratiqah.sulaiman@hh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pemakanan yang sihat bukan sahaja penting untuk kesihatan fizikal, tetapi juga berperanan besar dalam menyokong kesihatan mental seseorang.

Beberapa kajian terkini mendapati, makanan yang kita ambil setiap hari boleh mempengaruhi keadaan emosi, tahap tekanan dan kesihatan mental secara keseluruhan.

Menurut pakar kandungan nutrisi tertentu seperti asid lemak Omega-3, vitamin B dan antioksidan terbukti membantu mengurangkan gejala kesurruhan.

Selain itu, diet yang kaya dengan nutrisi seperti sayur, buah, bijirin dan protein tanpa lemak boleh memberi kesan positif terhadap kesihatan otak sekali gus memperbaiki kestabilan emosi.

Bagi Pakar Psikologi Klinikal dari University of Canterbury New Zealand, Professor Julia Rucklidge, berkata terdapat banyak penyelidikan dilakukan menunjukkan, bahawa apa yang dimakan akan mempengaruhi hidup seseorang.

Katanya, jika individu itu mengambil makanan ultra proses, iaitu sedia dimakan, mempa-

nyai tahap gula yang tinggi, sudah tentu akan mengalami kesurruhan ketika melakukan aktiviti seharian.

"Jika makan makanan tidak sihat, kita mungkin akan merasa tidak berenergi, malas, mengalami emosi tidak menentu serta pelbagai gejala biasa yang sering dikaitkan dengan kesurruhan mental.

"Namun jika seseorang itu berusaha untuk mengambil makanan yang tinggi dengan nutrisi, ia sedikit sebanyak mampu meningkatkan tahap kesihatan mental seseorang."

"Ini adalah aspek paling penting perlu dititik beratkan, namun ia sering diabaikan kerana kita memang kurang mengetahui bahawa selain pengaruh persekitaran, makanan juga akan mempengaruhi otak kita.

"Diselamatkan itu saya selalu menekankan mengenai persekitaran makanan dari besapa pentingnya perasaan itu," katanya kepada BH, baru-baru ini.

Julia antara salah seorang penceramah antarabangsa yang dijemput dalam Perisidangan Kesihatan Antarabangsa Malaysia (MIH) Megatrends 2024 yang bermula 30 Oktober hingga Ahad lala di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

**Penjagaan sihat makanan**

MIH Megatrends 2024 itu dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) dengan kerjasama KPJ Healthcare dan turut mendapat sokongan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC).

Menurut Julia lagi, serina kali masyarakat mengutamakan makanan adalah pilihan seseorang, namun sebenarnya ia dipengaruhi iklim, pembungkusan makanan yang menarik serta label dititipkan oleh KKM mengenai kandungan makanan itu.

"Kerana apa yang ditonjolkan kini adalah makanan berproses, itu mudah untuk disediakan, mampu disediakan dalam tempoh singkat dan harganya murah sehingga masyarakat masyarakat untuk membelinya.

"Necara berat boleh dijadikan sebagai satu pengajaran kerana mereka sudah mengambil makanan berproses itu lebih lama dan statistik kesihatan mereka kini sangat memburukkan."

"Dapat dilihat Malaysia sedang menuju ke arah itu apabila kini didapati satu daripada lima rakyat di Malaysia mempunyai diabetes.

"30 peratus daripada makanan yang dimakan oleh rakyat Malaysia setiap hari adalah makanan berproses. Mereka mendapatkan kalori daripada makanan berkenaan, ia tidak so-buruk di Barat, yang mencapai 50 hingga 60 peratus.

"Tetapi jika anda terus membenarkan makanan ini masuk dan ia menjadi sebahagian daripada budaya di sini, maka isu kesihatan kronik ini akan terus meningkat," katanya.

Tidak semua semakin maju ini, Julia berkata sering kali masyarakat diingatkan untuk berfikir ke hadapan serta menerima kekosotan teknologi termasuk teknologi iperordenan buatan (AI), tetapi dalam soal makanan ia perlu kembali pada asas dan makan makanan yang dimakan oleh nenek moyang terdahulu.

"Rakyat Malaysia mempunyai makanan yang hebat, dan makanan berkenaan sangat baik untuk anda. Sementara itu, terdapat juga makanan berproses yang kelihatan cantik, dibungkus dengan menarik dan rasanya sedap.

"Semakin anda memakannya, ia akan memburukkan kesha-

tan termasuk menjejaskan kesihatan mental seseorang," katanya.

Sementara itu, mengenai pengajuran MIH Megatrends 2024, Presiden dan Pengarah Urusan KPJ Healthcare, Chin Keat Chyan, berkata ia mendapat sambutan mengagumkan dengan 4,000 peserta daripada pelbagai latar belakang termasuk golongan profesional kesihatan, pengagut dasar, pemimpin industri, ahli akademik, pelajar serta pengunjung yang ingin mengetahui inovasi terkini dalam bidang kesihatan.

"Ini membuktikan jangkauan kami meluas jauh melebihi lokasi acara, membolehkan peserta pada peringkat tempatan dan global.

Penyertaan dan kerjasama mereka menyertahkan potensi Malaysia dalam membentuk trend penjagaan kesihatan masa depan terutama ketika negara menjadi Pengerusi ASEAN 2025.

"Malah MIH Megatrends 2024 juga berjaya membekirkannya sebagai platform utama untuk memajukan pertencangan mengenai kesihatan. Kami sangat gembira melihat kehadiran fizikal yang luar biasa serta menerima lebih dua juta tontonan pada program MIH Megatrends Live+ yang dilancarkan secara langsung dari laman Facebook rasmi KPJ Healthcare Berhad," katanya.

Pengajuran selama tiga hari itu turut membincangkan pelbagai topik penting, termasuk masa depan pembiayaan kesihatan negara, kerjasama swasta-swasta yang bertujuan untuk memberikan penjagaan kesihatan yang mampan serta turut menyentuh mengenai pelaksanaan model penjagaan bersekrutan nilai dan evolusi perubatan.

Julia menyampaikan ceramah topik kesihatan mental- "Burnout" dan Nutrisi dalam Tenaga Kerja Perancangan Kesihatan.



**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 16**  
**RUANGAN : NASIONAL**

## Pneumonia punca utama kematian tahun lalu dengan 18,181 kes direkodkan

**Putrajaya:** Pneumonia menjadi sebab kematian utama di Malaysia pada 2023, dengan 18,181 kematian direkodkan.

Ketua Perangkaan, Datuk Seri Dr. Mohd Uzir Mahidin, berkata berdasarkan laporan Perangkaan Sebab Kematian Malaysia 2024, angka itu mewakili 15.2 peratus daripada sejumlah 119,502 kematian yang diislahkan secara perubatan.

"Pneumonia mengatasi penyakit jantung iskemik sebagai sebab kematian utama buat kali pertama dalam dua dekad, kecuali pada 2021 berikutan wabak COVID-19," katanya dalam kenyataan semalam.

Mohd Uzir berkata, peningkatan kematian disebabkan pneumonia dihubungkan oleh kesan pasapneumok. "Apabila jangkitan paru-paru dalam komuniti menyebabkan pneumonia terutama bagi individu mempunyai sistem imun yang lemah dan masalah kesihatan sedia ada.

"Sementara itu, penyakit jantung iskemik yang merupakan sebab kematian kedua tertinggi di Malaysia pada 2023 adalah berpunca daripada amalan gaya hidup dan pengambilan makanan yang tidak sihat," katanya.

Mengulas mengenai perkara itu, Mohd Uzir berkata, pada tahun lalu, sebanyak 12,548 kematian atau 17.9 peratus dalam kalangan lelaki disebabkan penyakit jantung iskemik, manakala punca kematian utama bagi perempuan ialah pneumosis iaitu 7,815 kematian atau 16.4 peratus.

Beliau berkata, kematian akibat pneumosis lebih banyak direkodkan dalam kalangan kaum Cina dan Bumiputera lain yang masing-masing merekodkan 4,887 kematian (16.4 peratus) dan 3,325 kematian (13.2 peratus) pada 2023.

"Etnik Melayu dan India masing-masing merekodkan penyakit jantung iskemik sebagai sebab kematian utama iaitu 14 peratus dan 20.6 peratus.

"Sebab kematian utama bagi penduduk berumur 60 tahun dan lebih adalah pneumosis yang merekodkan 14,577 kematian atau 18.3 peratus, manakala penduduk berumur 41-59 tahun merekodkan penyakit jantung iskemik pada 23.7 peratus (5,872 kematian)," tambahnya.

Mengulas lanjut, Mohd Uzir berkata, enam negeri iaitu Pahang, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutian Labuan merekodkan

**Pneumonia mengatasi penyakit jantung iskemik sebagai sebab kematian utama buat kali pertama dalam dua dekad, kecuali pada 2021 berikutan wabak COVID-19**



**Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkaan**

perumusan sebagai sebab kematian utama, manakala 10 negeri lain merekodkan penyakit jantung iskemik sebagai sebab kematian utama.

Beliau berkata, Perlis merekodkan peratusan tertinggi bagi pneumosis iaitu 18.8 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (17.9 peratus) dan Sabah (14.2 peratus).

Mohd Uzir berkata, laporan itu turut membentangkan sebab kematian utama di peringkat daerah berdasarkan dengan pneumosis di antara parti sebagai sebab kematian utama di 76 daerah perbandiran dan peratusan tertinggi direkodkan di daerah Kubang Pasu, Kedah dengan 26.3 peratus.

"Sementara itu, penyakit jantung iskemik merupakan sebab kematian utama di 85 daerah perbandiran dengan peratusan tertinggi dicatatkan di Langkawi, Kedah (31.3 peratus)," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Uzir berkata, penyakit serebrovaskular direkodkan sebagai sebab utama kematian ketiga tertinggi pada 2023 iaitu 7.2 peratus, diikuti dengan kemalutan kandungan dengan 6.3 peratus.

Beliau berkata, stroke turut menyumbang kepada kematian disebabkan oleh kanser peringkat awal 2011 daripada 5,223 kematian kepada 14,345 kematian pada 2023.

"Kanser melibatkan organ pencernaan merekodkan kenaikan tertinggi berdasarkan kanser lain iaitu 8,384 kematian disebabkan oleh kanser organ respiratori dan payudara (masing-masing 2,530 kematian) dan kanser payudara (1,880 kematian)," katanya. **BERNAMA**



**AKHBAR : SINAR HARIAN**  
**MUKA SURAT : 18**  
**RUANGAN : CETUSAN**

## KPJ Healthcare teroka AI untuk beri perkhidmatan terbaik

**KUALA LUMPUR** - KPJ Healthcare Berhad dijangka melakukan pelaburan besar bagi melengkapkan rangkaian hospital di bawahnya dengan kemudahan terkini termasuk meneka bidang teknologi kecerdasan buatan (AI) bagi mencegah dan merawat penyakit.

Presiden dan Pengerah Unsur KPJ Healthcare Berhad, Chin Keat Chyuan berkata, teknologi AI mampu menjamin perkhidmatan hospitaliti yang ditawarkan di negara ini berada pada tahap yang terbaik.

Mekutusnya, sudah sampai masanya pesakit mendapat rawatan yang sempurna dari aspek pencegahan penyakit dan rawatan terhadap pesakit.

"Kita tidak lagi hanya bercakap tentang rawatan am, tetapi soal ketepatan ubat dan rawatan tempoma yang

harus diberikan kepada pesakit," katanya.

Balau berkata demikian kepada pemberita ketika sidang akhbar pada hari terakhir The Malaysia International Healthcare (MIH) Megatrends 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini baru-baru ini.



**KEAT CHYUAN**

Pameran selama tiga hari anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama KPJ Healthcare dan disokong oleh Surutansjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) itu berjaya menarik kehadiran 5,000 pengunjung.

Keat Chyuan menjelaskan, pameran julung hari anjuran KPJ Healthcare itu bukan sahaja dikunjungi profesional dan pemain industri tetapi juga pengubal dasar ahli akademik dan pelajar.

Ditamatkan sehingga kini laman web rasmi The Malaysia International Healthcare (MIH) Megatrends menerima zesis silih langsung mencapai ang-



**Keat Chyuan mencuba peralatan rosli maya yang disediakan di rasmi KPJ Healthcare.**

garan 1.2 hingga 1.5 juta penonton dalam tarian dalam tempoh dua hari.

"Sempena status Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025, Keat Chyuan berkata, KPJ Healthcare akan mempromosikan perkhidmatan MIH Megatrends ke tahap lebih tinggi bagi mewujudkan kesadaran yang lebih meluas tentang pentingnya penjagaan kesihatan di kalangan negara-negara anggota.

"Ini merupakan potanda

yang baik apabila ia juga melepai langkahan dua juta penglibatan dalam tarian membukakan sektor penjagaan kesihatan di Malaysia sudah bersedia kepada penganjuran Megatrends peringkat ASEAN dan global," ujarnya.

Balau berkata, momentum ke arah penjagaan kesihatan berlaku disebabkan status negeri yang menghampiri penuaan serta peningkatan penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti kanser dan diabetes dalam kal-

angan masyarakat.

"Kami menjangkakan lebih 100 pembicara dari pelbagai segmen termasuk peranti perubatan, farmasutikal dan profesional dari seluruh ekosistem penjagaan kesihatan akan menyertai MIH Megatrends 2025," katanya.

MIH Megatrends 2024 turut menampilkan 50 panel, termasuk pakar antarabangsa, yang membincangkan isu kritikal berhubung penjagaan kesihatan.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 20  
RUANGAN : NASIONAL

## Tiada sampel Shine Muscat tidak patuh kandungan racun perosak - KKM

**SHAH ALAM** - Tiada sampel anggur daripada jenis Shine Muscat mengandungi aka racun perosak melebihi kadar maksimum yang dibenarkan (MRL).

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam satu kenyataan pada Isnin memaklumkan, dupatan itu adalah hasil daripada Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKQM) yang dijalankan sepanjang 2020 sehingga September 2024.

Menurut KKM, dalam tempoh berkenaan, sejumlah 5,581 sampel sayur-sayuran dan buah-buahan import telah dianalisis bagi residu racun perosak.

"Sejumlah 254 sampel anggur dianalisis dalam tempoh tersebut yang mana empat (1.71 peratus) telah dikesan tidak mematuhi MRL yang tidak melibatkan anggur Shine Muscat.

"Tindakan pemeriksaan

Tahan, Uji dan Lepas (TUL) pada kemasukan seterusnya akan dilakukan, yang mana kandungan makanan tersebut wajib ditahan dan pangsapipan perlu dijalankan," menurut kenyataan itu.

KKM turut memaklumkan bahawa kelulusan pelepasan di pintu masuk hanya akan diberikan jika keputusan analisa mematuhi MRL yang ditetapkan.

Larangan pengimportan akan dilakukan sekiranya terdapat pelanggaran berulang.

"Sebagai panduan kepada pengguna, setiap makanan yang diimport dan bertungkus, perlu mengandungi maklumat asas termasuk negara asal produk itu. Sehubungan itu, pengguna dinasihatkan untuk membaca label sebagai panduan.

"KKM peka dan prihatin terhadap keresahan pengguna serta sentiasa menjalankan pemantauan di pintu masuk

negara dan pasaran tempatan bagi memastikan keselamatan makanan terjamin," kata KKM.

Sebelum ini, laporan The Thai Pesticide Alert Network (Thai-PAN) mendakwa anggur Shine Muscat mengandungi residu racun perosak melebihi MRL.

Sementara itu, tiripuan Sinar Harian di Pasar Besar Ipoh mendapati anggur Shine Muscat dijual seperti biasa.

Perjual yang dikenali sebagai Winnie berkata, pemintan terhadap anggur yang diimport dari China itu tidak terjejas.

Pemborong buah-buahan, Aico pula berkata, keryaduan disalurkan KKM mengenai Shine Muscat memberikan kelegaan kepadanya.

"Dia sudah jual banyak kepada pelanggan," katanya yang menjual anggur itu pada harga RM13 sebekas.



**AKHBAR : NEW STRAITS TIMES**  
**MUKA SURAT : 13**  
**RUANGAN : NEWS / NATION**

NewStraitsTimes • WEDNESDAY, OCTOBER 30, 2024

13

# 5,000 throng MIH Megatrends

Conference draws healthcare stakeholders, experts, policymakers, academicians and students

**MUHAMMAD AL AS**  
**KUALA LUMPUR**  
alas.yunos@nst.com.my

**T**HE Malaysia International Healthcare (MIH) Megatrends 2024 conference that concluded on Sunday drew some 5,000 visitors, including healthcare professionals, policymakers, industry leaders, academicians and students.

Held over three days at the Kuala Lumpur Convention Centre, the conference featured more than 100 exhibitors from government agencies and the private sector, drawing more than 1,500 participants.

A collaboration between the Health Ministry and KPJ Healthcare, MIH Megatrends 2024 also received support from the Malaysian Communications and Multimedia Commission.

Bringing industry stakeholders and experts under one roof, the conference aimed to explore key areas such as generative artificial intelligence (AI), equitable health financing, sustainable public-private partnership, value-based care, precision medicine and safety and quality in healthcare.

MIH Megatrends 2024 featured guest speaker Farah Magrabi, professor of biomedical and health informatics at the Australian Institute of Health Innovation, Macquarie University.

On the second day of the event, Magrabi shared her insights on the rapid advancements in AI and precision medicine in healthcare.

She spoke of her journey from electrical engineering to biomedical



His Majesty Sultan Ibrahim, King of Malaysia officiating the Malaysia International Healthcare Megatrends 2024 conference in Kuala Lumpur. With him are Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (right) and KPJ Healthcare chairman Tan Sri Dr Ismail Bakar. PIC: ICM/KPJ HEALTHCARE

ical engineering.

"Twenty years back, telehealth was something we were exploring. Fast forward to the present, we used video to deliver healthcare due to the pandemic. It's becoming real now."

She said her shift to biomedical engineering was driven by a desire to help people.

Addressing the growing influence of AI, she said it was not about "robots" as some imagine, but about managing healthcare data.

"Some of it is already here now. You

can sequence a person's genome and deliver more personalised healthcare," she said.

This is part of precision medicine, where medical treatments are tailored to individual patients, based on genetic, lifestyle and environmental factors, rather than conventional 'one size fits all' or preventative approaches.

AI-powered genomics was only one of the many cutting-edge technology discussed at the conference. Also discussed were Extended Reality, blockchain and beyond.

Magrabi said MIH Megatrends 2024 was a learning experience for her.

"I think I'm learning a lot in terms of the context of the healthcare delivery system in Malaysia."

She reflected on the unique challenge the country faced in adapting to the abundance of innovation in consumer technology for healthcare.

With more than two decades of experience in AI, she said she felt that she brought "real-world experience" to the table.

"It's only in the last few years that AI became public... But I've been working in this area for more than 20 years," Magrabi said.

She wanted to help Malaysian healthcare providers avoid "mistakes of the past" by sharing insights on the



Macquarie University's Professor Farah Magrabi, an expert in biomedical and health informatics, speaking at MIH Megatrends 2024. PIC: FROM KPJ HEALTHCARE

complexities of implementing digital systems in real-world healthcare.

MIH Megatrends 2024 was officiated by His Majesty Sultan Ibrahim, King of Malaysia. Present were Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad and Communications Minister Fahmi Fadzil.

"MIH Megatrends has established itself as a key platform for advancing healthcare conversations," said KPJ Healthcare president and managing director Chin Keat Chyuan.

"We were thrilled to see a strong turnout of about 5,000 attendees, with two million views on our MIH Megatrends Live+ programme, showing our reach extended well beyond the venue."

Chin expressed his gratitude to all partners, exhibitors and visitors, whose participation underscored Malaysia's potential in shaping future healthcare trends.

"Their collaboration truly highlights Malaysia's potential to shape future healthcare trends."



(From left) KPJ Healthcare chief strategy officer Michael Lovkin explains while KPJ Healthcare president and managing director Chin Keat Chyuan looks through the HoloMedicine, a three-dimensional hologram image of a human's anatomy. PIC: FROM KPJ HEALTHCARE



Chin Keat Chyuan

AKHBAR : THE SUN  
MUKA SURAT : 3  
RUANGAN : NATIONAL

## Health Ministry tightens food safety checks

**KUALA LUMPUR:** The Health Ministry continuously monitors and enforces food safety, including for imported food, under the Food Act 1983 and its regulations through the Food Safety and Quality Programme (FSQP) at all entry points into Malaysia.

The ministry said in a statement the action follows reports from the Thai Pesticide Alert Network and several local media agencies regarding Shine Muscat grapes containing pesticide residues exceeding the maximum residue limit allowed.

"Continuous monitoring is conducted at all /U/ENTRY POINTS NABOTAWOK, INVOLVING various control and compliance activities for all imported foods, including fruits and vegetables. These activities include document inspection, physical inspection, label inspection, sample collection and detention at the warehouses of importers," the statement added.

The FSQP continually strengthens monitoring of imported food consignments through the Food Safety Information System, which employs a six-level risk-based inspection approach. —Bernama